

- f) tentang cadangan supaya kursus SZRZ6014 Research Methodology perlu ada *research methodology* tentang sejarah atau arkib sebagai pelengkap dalam ilmu tersebut.
- ii. bersetuju menerima dan meluluskan cadangan semakan kurikulum program Sarjana Sastera (Sejarah) seperti yang telah dibentangkan.

Dekan Awang
Had Salleh
Graduate School
of Arts and
Sciences

2.1.5 KERTAS KERJA BIL. 97/2011 - CADANGAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM SARJANA SAINS (MATEMATIK) ✓

Mesyuarat

- i. mengambil maklum
 - a) tentang kertas kerja daripada UUM CAS untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Senat bagi cadangan semakan kurikulum program Sarjana Sains (Matematik) seperti yang dibentangkan;
 - b) bahawa antara justifikasi semakan semula program ijazah Sarjana Sains (Matematik) perlu dilaksanakan bagi:
 - i. Memenuhi keperluan Kerangka MQA yang dikemukakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia untuk semua program akademik di IPTA dan IPTS Malaysia;
 - ii. Meningkatkan peluang kebolehpasaran dan daya saing para graduan selaras dengan perkembangan semasa dan kehendak pasaran.
 - c) bahawa matlamat program adalah untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran penyelidikan dalam bidang Matematik;
 - d) bahawa di akhir program ini, pelajar dijangka boleh:

1.	Mempamerkan peningkatan ilmu yang berterusan dan berkebolehan mengaplikasi teori dan model berkaitan bidang yang dikaji. <i>Exhibit continued enhancement of knowledge and be able to apply theories and models related to the relevant areas of study.</i>	LOD1
2.	Mensintesis ilmu bagi meningkatkan keupayaan membuat keputusan dan menyelesaikan masalah secara kreatif dan inovatif dalam pelbagai situasi berkaitan dengan bidang. <i>Synthesise knowledge to enhance the ability to make decision and solve problems creatively and innovatively in various situations relevant to the areas of study.</i>	LOD 2

3.	Mempamer nilai dan etika yang tinggi dalam melaksanakan kajian. <i>Exhibit high values and ethics in conducting the studies.</i>	LOD 3
4.	Berkebolehan menjalankan kerja-kerja secara berdikari. <i>Able to work independently.</i>	LOD 4
5.	Berkomunikasi dengan pakar, rakan dalam bidang yang berkaitan dan komuniti untuk memacu pengetahuan terkini dalam penyelidikan. <i>Communicate with experts and peers in the designated areas to spearhead advanced knowledge in research</i>	LOD 5
6.	Berupaya menyepadukan pengetahuan dan menguruskan maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat. <i>Be able to consolidate knowledge and manage information for lifelong learning</i>	LOD 6

e) bahawa kursus wajib untuk struktur kurikulum adalah:

SZRZ6014 Research Methodology

SCLE6014 Academic Writing

Kedua-dua kursus di atas wajib diambil oleh pelajar (jika disyaratkan oleh program) dan mesti mendapat sekurang-kurangnya gred B.

ii. bersetuju menerima dan meluluskan cadangan semakan kurikulum program Sarjana Sains (Matematik) seperti yang telah dibentangkan.

Dekan Awang
Had Salleh
Graduate School
of Arts and
Sciences

2.1.6 KERTAS KERJA BIL. 98/2011 - CADANGAN SEMAKAN KURIKULUM PROGRAM SARJANA SAINS (STATISTIK)

Mesyuarat

i. mengambil maklum

a) tentang kertas kerja daripada UUM College of Arts and Sciences (UUM CAS) untuk memohon pertimbangan dan kelulusan Senat bagi cadangan semakan kurikulum program Sarjana Sains (Statistik) seperti yang dibentangkan;

b) bahawa antara justifikasi semakan semula program ijazah Sarjana Sains (Statistik) perlu dilaksanakan bagi:

i. Memenuhi keperluan Kerangka MQA yang dikemukakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia untuk semua program akademik di IPTA dan IPTS Malaysia;